

**KEPUASAN KERJA DI KALANGAN GURU-GURU  
SEMENANJUNG YANG BERTUGAS DI SABAH:  
PERBANDINGAN PENEMPATAN  
DI BANDAR DAN LUAR BANDAR**

**MOHD DAHLAN HJ. A. MALEK  
BEDDU SALAM BACO  
MURNIZAM HJ HALIK**

**KOD KAJIAN 16/98**

**SEKOLAH PSIKOLOGI DAN KERJA SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2000**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Universiti Malaysia Sabah terutamanya Y.Bhg. Prof. Dr Kamaruzaman Ampon, Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Pembangunan dan juga saudara Darwis Awang kerana memberi peluang dan galakan kepada kami untuk menjalani kajian ini.

Kami juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada para guru yang sudi menjadi subjek kajian ini, segala kerjasama dan komitmen anda, amat kami hargai.

Setinggi-tinggi penghargaan kami tujukan kepada Y.Bhg. Prof. Dato' Dr Hj. Abd. Halim Othman, Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, yang telah memberi galakan, bimbingan serta nasihat kepada kami.

Akhir sekali, kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Muhammad Haji-Yusuf, Ketua Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial, Dr. Hajjah Rosnah Ismail, Timbalan Dekan Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial serta Dr Adi Fahrudin dan rakan-rakan seperjuangan atas dorongan dan galakan yang diberi.

**MOHD DAHLAN HJ. A. MALEK  
BEDDU SALAM BACO  
MURNIZAM HJ. HALIK**

Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial  
Universiti Malaysia Sabah  
21 November 2000



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRAK**

*Kertas kerja ini merupakan hasil kajian tinjauan mengenai kepuasan kerja guru-guru dari Semenanjung yang bertugas di Negeri Sabah. Kajian ini bertujuan untuk memastikan sama ada terdapat perbezaan kepuasan kerja di kalangan guru-guru semenanjung yang bertugas di Sabah. Selain itu, perbandingan kepuasan kerja turut dilakukan di kalangan guru-guru yang ditempatkan di bandar dan luar bandar serta melihat perbezaan kepuasan kerja antara guru-guru lelaki dan wanita. Alat kajian Job Deskriptif Index (JDI) digunakan untuk melihat tahap kepuasan kerja. Seramai 287 orang guru dari Semenanjung yang bertugas di Negeri Sabah telah terlibat sebagai subjek kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru dari Semenanjung yang bertugas di Negeri Sabah tidak berbeza kepuasan kerja mereka meskipun ditempatkan di luar bandar. Namun demikian, jika kepuasan kerja dibandingkan mengikut gagasan dalam JDI didapati bahawa terdapat perbezaan signifikan bagi gagasan-gagasan tertentu.*



Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru-Guru Semenanjung Yang Bertugas Di Sabah:  
Perbandingan Penempatan Di Bandar dan Luar Bandar  
Kod Projek 16/98

**KEPUASAN KERJA DI KALANGAN GURU-GURU SEMENANJUNG YANG  
BERTUGAS DI SABAH: PERBANDINGAN PENEMPATAN  
DI BANDAR DAN LUAR BANDAR**

**MOHD DAHLAN HJ. A. MALEK**

**BEDDU SALAM BACO**

**MURNIZAM HJ. HALIK**

Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial

Universiti Malaysia Sabah

**ABSTRAK**

*Kertas kerja ini merupakan hasil kajian tinjauan mengenai kepuasan kerja guru-guru dari Semenanjung yang bertugas di Negeri Sabah. Kajian ini bertujuan untuk memastikan sama ada terdapat perbezaan kepuasan kerja di kalangan guru-guru semenanjung yang bertugas di Sabah. Selain itu, perbandingan kepuasan kerja turut dilakukan di kalangan guru-guru yang ditempatkan di bandar dan luar bandar serta melihat perbezaan kepuasan kerja antara guru-guru lelaki dan wanita. Alat kajian Job Deskriptif Index (JDI) digunakan untuk melihat tahap kepuasan kerja. Seramai 287 orang*

*guru dari Semenanjung yang bertugas di Negeri Sabah telah terlibat sebagai subjek kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru dari Semenanjung yang bertugas di Negeri Sabah tidak berbeza kepuasan kerja mereka meskipun ditempatkan di luar bandar. Namun demikian, jika kepuasan kerja dibandingkan mengikut gagasan dalam JDI didapati bahawa terdapat perbezaan sifinifikan bagi gagasan-gagasan tertentu.*

## **PENGENALAN**

Guru-guru memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak bangsa demi untuk mencapai matlamat pendidikan negara. Kebajikan guru perlu diberi perhatian terutamanya yang melibatkan faktor kepuasan dan tekanan kerja agar seseorang guru itu dapat menumpukan seluruh tenaga dalam memberi sumbangan yang lebih bermakna lagi. Sehubungan itu, kajian ini perlu kerana terdapat sesetengah guru mempertikaikan tentang penempatan mereka di luar dari Semenanjung, iaitu di Sabah atau Sarawak. Fenomena ini timbul kerana terdapat persepsi sesetengah pihak yang menyatakan guru-guru yang ditempatkan di Sabah terutamanya di kawasan luar bandar akan menghadapi cabaran, kesulitan dan pelbagai masalah yang secara tidak langsung mempengaruhi prestasi mereka dalam pekerjaan. Atas alasan ini juga, terdapat calon-calon guru yang tidak menerima penempatan mereka di Sabah dan Sarawak.